



MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa kepada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

JAWATAN

Jawatan	:	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)
Gred	:	N1
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Taraf Perkhidmatan	:	Sambilan
Kekosongan	:	Satu (1)
Jadual Gaji	:	RM80.00 / Sehari

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan;
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - (v) Keutamaan diberikan kepada calon yang berasal / menetap di Daerah Keningau;
 - (vi) Keutamaan diberikan kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA MEMOHON

1. Permohonan jawatan hendaklah menyertakan dokumen seperti berikut :
 - surat permohonan jawatan
 - maklumat peribadi beserta dengan gambar berukuran passport
 - kelulusan dan pengalaman bekerja (jika ada)
 - sijil-sijil dan lain-lain dokumen yang telah disahkan.
2. Permohonan yang telah diisi lengkap hendaklah diajukan ke alamat:-

Setiausaha
Majlis Ugama Islam Sabah
Tingkat 5, Blok A, Wisma MUIS
88100 KOTA KINABALU

3. Tarikh tutup permohonan ialah pada: **06 Disember 2024**
4. Calon-calun yang berjaya akan dimaklumkan melalui telefon untuk proses temuduga.